MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(MPSM) NEGERI PERAK

# MODUL INTERVENSI
# MENENGAH ATAS 2026

---

## PERATURAN PEMARKAHAN

## PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1

---

## PERATURAN PEMARKAHAN

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *(a)* | (i) | **Dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama Islam:<br>- Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.<br>- Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW.<br>- Menghina golongan ulama’ dan orang soleh.<br>- Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.<br>- Menyanjung perbuatan maksiat.<br>- Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** cara menjaga kesucian Islam:<br>- Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan<br>- Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW.<br>- Meningkatkan kualiti ibadat fardu dan sunat.<br>- Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.<br>- Mengamalkan tuntutan amar makruf nahi mungkar.<br>- Penguatkuasaan undang-undang yang lebih berat kepada pesalah.<br><br>**Catatan:**<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | |  | |
| | | (iii) | Sebagai seorang Muslim, apakah peranan anda apabila melihat situasi remaja di atas? | 2m |

**Rubrik penskoran:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian. | 2m |

**Cadangan jawapan:**

- Menasihati mereka secara berhikmah supaya mereka sedar kewajipan menunaikan solat Jumaat.
- Mengajak mereka ke masjid berdekatan agar tidak meninggalkan kewajipan sebagai Muslim.
- Melaporkan kepada pihak yang berautoriti (pihak pengurusan/ jabatan agama Islam) bagi memastikan mereka diambil tindakan segera.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Huraikan kesan perbuatan tersebut terhadap kehidupan mereka. | 4m |

**Rubrik penskoran:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi:**

- Mendapat dosa dan kemurkaan Allah SWT
- Hidup tidak diberkati Allah SWT.
- Dipandang hina oleh masyarakat.
- Menunjukkan sikap tidak taat terhadap perintah Allah SWT.
- Menjadikan seseorang tidak berdisiplin

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Contoh jawapan:**<br><br>Mendapat dosa dan kemurkaan Allah SWT. Hal ini kerana meninggalkan kewajipan fardu ain yang wajib ditunaikan oleh lelaki Muslim. Kesannya hidup tidak tenang. Kesimpulannya kita hendaklah berpegang teguh kepada syariat Islam agar jauh daripada golongan mempersendakan agama. | |
| | *(b)* | (i) | **Dua** golongan tersebut selain pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT:<br>- Pemimpin yang adil<br>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT<br>- Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br>- Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** contoh pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT:<br>- Melaksanakan tuntutan solat 5 waktu dan ibadat puasa dengan sempurnanya<br>- Melazimi qiamulail / membaca al-Quran / berzikir.<br><br>**Catatan:**<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | |  | |
| | | (iii) | Huraikan cabaran yang dihadapi oleh remaja masa kini dalam usaha menjadi golongan seperti dalam gambar di atas. | 4m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

**Rubrik penskoran:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi:**

- Mudah terpengaruh dengan media sosial dan hiburan melampau
- Pengaruh rakan sebaya negatif
- Kurang penghayatan ilmu agama
- Tidak istiqamah melakukan ibadah
- Persekitaran yang melalaikan

**Contoh jawapan:**

Antara cabaran yang dihadapi oleh remaja masa kini ialah mudah terpengaruh dengan media sosial dan hiburan melampau. Hal ini kerana remaja masa kini terdedah kepada pelbagai bentuk hiburan yang melalaikan seperti permainan video dan aplikasi media sosial yang tidak bermoral. Kesannya, remaja menjadi lalai daripada mengingati Allah SWT. Kesimpulannya kita hendaklah berusaha menjauhi hiburan yang melalaikan agar berpeluang mendapat naungan Allah SWT.

</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Hukum mad lazim bagi kalimah di bawah:<br>i) Mad Lazim Harfi Muthaqqal<br>ii) Mad Lazim Kalimi Muthaqqal</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud al-Muntaqim ialah:<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim:<br>- Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>- Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan kepada mereka yang menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan jelas.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Mengapakah perbuatan di atas bertentangan dengan keimanan terhadap nama Allah SWT al-Muntaqim?</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

Cadangan isi:

<ul>
<li>Menunjukkan seseorang tidak takut akan balasan Allah SWT.</li>
<li>Menyebabkan tekanan emosi kepada mangsa.</li>
<li>Mencetuskan permusuhan / merosakkan hubungan sesama manusia</li>
<li>Bertentangan dengan akhlak Islam yang dituntut oleh Allah SWT.</li>
<li>Merosakkan maruah orang lain.</li>
</ul>

Contoh jawapan:

Perbuatan buli siber menunjukkan seseorang tidak takut akan balasan Allah SWT. Hal ini kerana mereka tidak percaya Allah SWT Maha Pembalas terhadap setiap perbuatan dosa yang dilakukan. Individu yang menghina, memfitnah atau memalukan orang lain di media sosial seolah-olah lupa bahawa setiap perbuatannya akan dibalas oleh Allah SWT di akhirat. Kesimpulannya, umat Islam hendaklah beriman dengan Allah SWT al-Muntaqim agar jauh daripada azab Allah SWT.

</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Bagaimanakah keimanan terhadap sifat al-Muntaqim dapat menghindarkan seseorang daripada melakukan jenayah di atas?</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

Rubrik penskoran:

<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian.</td><td>2m</td></tr>
</table>

Cadangan jawapan: (kesan)

<ul>
<li>Seseorang akan takut melakukan perbuatan buli kerana yakin Allah SWT akan membalas perbuatan jahat.</li>
<li>Menimbulkan rasa insaf kerana perbuatan tersebut akan diberi pembalasan azab di akhirat.</li>
<li>Seseorang akan berwaspada untuk menulis di media sosial kerana mengetahui setiap perbuatan buruk pasti ada pembalasan.</li>
</ul>

</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Sejarah ringkas aliran tersebut (Khawarij):<br>Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib r.a yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua prinsip utama Khawarij ialah:<br>- Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.<br>- Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali r.a telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim.<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.<br>- Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>




</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Bagaimanakah Amin membetulkan fahaman Haris berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian.</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan jawapan:<br>- Menerangkan bahawa pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak mengkafirkan pelaku dosa besar tetapi dikira mukmin dan dihukum fasik selagi tidak bertaubat.<br>- Menasihati supaya tidak bersikap ekstrim dalam beragama seperti mengkafirkan orang lain kerana boleh menyebabkan perpecahan dalam masyarakat.</td><td></td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Huraikan faktor yang mempengaruhi fahaman Haris. | 4m |

**Rubrik penskoran:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi:**

- Tidak memahami ajaran Islam yang sebenar.
- Lemah pegangan akidah / iman.
- Pengaruh media sosial tanpa tapisan.
- Kecenderungan kepada pemikiran yang ekstrim/melampau.

**Contoh jawapan:**

Faktor yang mempengaruhi fahaman ialah Haris tidak memahami ajaran Islam yang sebenar. Hal ini kerana Haris tidak mempunyai ilmu agama yang kukuh. Kesannya menjadikan Haris mudah terpedaya dengan pelbagai fahaman sesat dan menganggap fahamannya paling benar. Oleh itu, kita hendaklah mendalami ilmu agama berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah supaya tidak mudah terpengaruh dengan fahaman yang menyeleweng.

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud sembelihan ialah:<br>Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat merih (mari’).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua syarat sah sembelihan:<br>- Beragama Islam atau ahli kitab.<br>- Melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT.<br>- Masih mempunyai hayat mustaqirrah.<br>- Putus urat halkum dan urat merih (mari’) dengan segera dan sekali sembelihan.<br>- Alat sembelihan yang boleh melukakan binatang sembelihan kecuali kuku, gigi dan tulang.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua contoh perbuatan menyeksa binatang sembelihan:<br>- Memenggal leher binatang.<br>- Mematahkan kaki binatang.<br>- Mengheret kaki binatang ke tempat sembelihan.<br>- Menajamkan pisau sembelihan di hadapan binatang.<br><br>Catatan:<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Umat Islam hendaklah memastikan status halal daging sebelum membelinya.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Kemukakan hujah anda untuk menyokong perkara di atas.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan</td><td>4m</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<table><tr><td>yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td></td></tr></table>

**Cadangan isi:**

- Umat Islam dapat mengelakkan diri daripada memakan makanan yang haram dan syubhah.
- Amal ibadah dan doa diterima oleh Allah.
- Kesihatan diri terpelihara.

**Contoh jawapan:**

Dengan memeriksa status halal daging sebelum membeli, seseorang dapat mengelakkan diri daripada memakan makanan yang haram atau syubhah. Hal ini kerana Islam mewajibkan umatnya memilih makanan yang mematuhi hukum syarak. Kesannya, dapat memelihara kesucian ibadah dan ibadahnya akan diterima oleh Allah. Kesimpulannya, umat Islam hendaklah sentiasa berhati-hati dalam memilih makanan agar dapat memenuhi tuntutan agama dengan sempurna.
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>*(b)*</td><td>(i)</td><td>Maksud talak ialah:<br>Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jenis talak:<br>1) Talak Bain<br>2) Talak Raj’i</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>


</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Cadangkan intervensi yang boleh dilakukan untuk membendung isu di atas.</td><td>2 m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Rubrik penskoran:**<br><br>\| Kriteria \| Skor \|<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian. — 2m<br><br>**Cadangan jawapan:**<br><br>- Pihak berwajib mengadakan kursus kekeluargaan supaya pasangan suami isteri diberi pendedahan tentang cara menyelesaikan konflik secara matang.<br>- Pasangan perlu mengurus kewangan dengan bijak bagi mengelakkan tekanan hidup dan hutang.<br>- Suami dan isteri mengamalkan komunikasi berkesan bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan.<br>- Sokongan moral daripada ahli keluarga / masyarakat agar dapat mengelakkan konflik rumah tangga daripada terus berlaku.<br>- Pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap pihak ketiga bagi mengelakkan isu perceraian terus berlaku. | |
| | | (iv) | Berdasarkan infografik, bandingkan data faktor utama kes perceraian di Malaysia. Huraikan jawapan anda | 4m |
| | | | **Rubrik penskoran:** | |

**Rubrik penskoran (iii):**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian. | 2m |

**Rubrik penskoran (iv):**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Contoh jawapan 1:**<br><br>Faktor utama kes perceraian paling tinggi ialah masalah kewangan berbanding gangguan pihak ketiga dan penderaan fizikal dan mental. Hal ini disebabkan kegagalan suami atau isteri mengurus kewangan dengan baik seperti hutang berlebihan. Kesannya, ia akan menggugat keharmonian dalam rumah tangga. Kesimpulannya, semua pihak perlulah mengambil peranan membantu pasangan suami isteri melalui program bantuan kewangan, peluang pekerjaan, serta sokongan penjagaan anak agar tekanan hidup berumah tangga dapat dikurangkan.<br><br>**Contoh jawapan 2:**<br><br>Faktor utama kes perceraian paling tinggi adalah kerana masalah kewangan iaitu sebanyak 17359 kes berbanding / lebih tinggi daripada gangguan pihak ketiga 6574 kes dan penderaan fizikal dan mental 4884 kes. Hal ini kerana pasangan suami isteri menghadapi tekanan hidup akibat kekurangan wang dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Keadaan ini boleh menyebabkan pertengkaran, hilang persefahaman serta saling menyalahkan antara satu sama lain.Kesimpulannya, pasangan suami isteri hendaklah mengurus kewangan dengan bijak agar rumah tangga kekal bahagia.<br><br>**Catatan:**<br>Isi hendaklah merujuk kepada **perbandingan faktor tertinggi dan terendah.** | |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua ciri kepimpinan khalifah Uthman bin Affan:<br>- Berpandangan jauh.<br>- Berfikiran terbuka.<br>- Prihatin.<br>- Inovatif.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Pencapaian khalifah Uthman bin Affan dalam aspek berikut;<br>1) Politik<br>Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan serta meluaskan kuasa wilayah Islam hingga ke Rusia, Afrika Utara serta menawan Pulau Cyprus.<br><br>2) Ketenteraan<br>Menubuhkan angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan perluasan kuasa.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Khalifah Uthman bin Affan menyelaraskan bacaan (qiraat) dan penulisan mushaf al-Quran menggunakan bahasa Quraisy dengan nama Mushaf Uthmani.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Pada pandangan anda, apakah kepentingan tindakan khalifah di atas kepada umat Islam?</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran:<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian.</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan:<br><br>- Menyelaraskan pelbagai cara bacaan al-Quran supaya umat Islam membaca dengan seragam.<br>- Mengelakkan perselisihan umat Islam ekoran perbezaan cara bacaan.</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>- Memelihara keaslian al-Quran daripada perubahan, penambahan atau pengurangan.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Sebagai seorang murid, cadangkan cara anda memanfaatkan usaha khalifah tersebut. Huraikan.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>
- Sentiasa membaca al-Quran.<br>
- Mendengar alunan bacaan al-Quran.<br>
- Berusaha memahami kandungan al-Quran.<br>
- Menjaga kemuliaan al-Quran.<br>
- Memanfaatkan kandungan media sosial berkaitan al-Quran.<br>
<br>
Contoh jawapan:<br>
<br>
Saya akan sentiasa berusaha membaca al-Quran dengan bacaan yang betul. Hal ini kerana dengan berusaha membetulkan bacaan, dapat memelihara kesucian kitab suci al-Quran. Kesannya, saya akan lebih menghayati isi kandungan al-Quran dan beroleh ketenangan jiwa dengan membacanya. Kesimpulannya, kita hendaklah menghargai usaha Khalifah Uthman bin Affan dengan sentiasa membaca, mempelajari dan mengamalkan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian.
</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi.<br>- Nama penuh: Yusuf Bin Ayyub bin Syazi.<br>- Tarikh lahir: 532 Hijrah.<br>- Tarikh meninggal dunia: 589 Hijrah.<br>- Jawatan: Pemerintah bagi kerajaan al-Ayyubiah.<br>- Ketinggian akhlak:<br>• Menghormati para ulama.<br>• Berani mempertahankan agama.<br>• Prihatin terhadap kebajikan rakyat.<br>- Guru yang tersohor: Ali bin al-Hasan bin Hibbatullah bin Asakir al-Damsyiki.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Sumbangan Salahuddin al-Ayyubi dalam bidang berikut;<br>1) Pentadbiran<br>- Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital yang dinamakan al-Bimaristan al-Atiq.<br>- Sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada pesakit.<br>2) Keilmuan<br>- Mengembalikan semula pegangan akidah Ahli al-Sunnah Wal Jamaah dalam sistem pendidikan.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

Maklumat A


Maklumat B</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Berdasarkan maklumat di atas, apakah sifat yang perlu diamalkan dalam maklumat A, untuk menakluk kota dalam maklumat B? Huraikan.</td><td>2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian.</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan:<br>- Berani menghadapi musuh tanpa rasa takut untuk memimpin tentera Islam menentang tentera Salib.<br>- Gigih berjihad membebaskan kota Baitul Maqdis walaupun mendapat tentangan hebat daripada tentera salib.<br>- Bijak menyusun strategi agar peperangan dapat dimenangi dengan lebih mudah dan terancang.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Kemukakan cara anda memperjuangkan kesucian kota dalam maklumat B, pada masa kini.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Menambah ilmu tentang sejarah Baitul Maqdis.<br>- Menyebarkan kesedaran melalui media sosial.<br>- Mendoakan keamanan umat Islam di Palestin.</td><td></td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Memberi sumbangan wang/ moral kepada rakyat Palestin.<br>- Membaca qunut nazilah.<br>- Mencontohi semangat jihad umat Islam di Palestin.<br><br>**Contoh jawapan:**<br><br>Saya akan menyebarkan kesedaran tentang kesucian Kota Baitul Maqdis melalui media sosial. Hal ini supaya masyarakat dapat mengetahui kepentingan Kota Baitul Maqdis serta kezaliman yang berlaku terhadap umat Islam di sana. Contohnya, saya berkongsi poster, video dakwah dan maklumat sejarah berkaitan Baitul Maqdis melalui aplikasi seperti TikTok, Instagram dan Facebook. Kesannya, masyarakat akan lebih peka dan prihatin terhadap usaha mempertahankan kesucian Baitul Maqdis. Kesimpulannya, umat Islam hendaklah memanfaatkan media sosial secara positif untuk menyebarkan kesedaran dan mempertahankan kesucian Baitul Maqdis. | |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 5 | *(a)* | (i) | **Dua** adab terhadap orang sakit.<br>- Mendoakan kesihatan mereka.<br>- Membantu mereka yang ingin melakukan ibadah.<br>- Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan reda.<br>- Tidak melakukan sesuatu yang boleh menganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang lama.<br>- Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.<br>- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | Hikmah beradab kepada orang sakit.<br>- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT.<br>- Mengeratkan ukhuwwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah.<br>- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.<br><br>**Catatan:**<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2m<br><br>1m isi<br>1m huraian |
| | | |  | |
| | | (iii) | Berdasarkan gambar di atas, huraikan sikap tidak beradab anak tersebut terhadap bapanya. | 4m |

**Rubrik penskoran:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi:**

- Tidak memberi bantuan kepada bapanya.
- Tidak mempedulikan kesakitan bapanya.
- Tidak menjaga emosi / tidak bersimpati kepada bapanya.
- Tidak memberikan sokongan moral kepada bapanya.
- Tidak mempamerkan rasa tanggungjawab dalam mengurus bapanya yang sakit.

**Contoh jawapan:**

Anak tersebut bersikap tidak beradab kerana tidak memberi bantuan kepada bapanya yang sedang sakit. Hal ini dapat dilihat apabila dia leka menggunakan telefon bimbit tanpa mempedulikan bapanya. Contohnya, tidak memanggil jururawat ketika bapanya memerlukan bantuan atau tidak mengambilkan air dan sebagainya. Kesannya, bapa akan berasa sedih dan terabai kerana tidak mendapat perhatian sewajarnya. Kesimpulannya, kita hendaklah prihatin dan membantu orang sakit, khususnya ibu bapa, agar mereka berasa tenang dan dihargai.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Bagaimanakah seorang anak dapat membantu urusan ibadah bapa tersebut? | 2m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

**Rubrik penskoran:**

<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian.</td><td>2m</td></tr>
</table>

**Cadangan jawapan:**

- Membantu menyediakan keperluan bersuci seperti air wuduk atau debu tayammum bagi memudahkan urusan ibadat bapa.
- Meletakkan telefon agar dapat membantu bapa menunaikan solat dengan baik.
- Mendoakan agar bapanya diberi kesabaran dalam menghadapi ujian sakit.

</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>*(b)*</td><td>(i)</td><td>Maksud riyak ialah:<br>Melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>

**Dua** contoh sifat riyak:
- Melaksanakan solat sunat hanya jika berada dihadapan orang.
- Bersedekah kerana mengharapkan pujian manusia.

**Catatan:**
Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.

</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>




</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh Amran.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian.</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan jawapan:<br>
- Merahsiakan sumbangannya supaya tidak diketahui oleh orang lain.<br>
- Bersedekah dengan ikhlas tanpa menunjuk-nunjuk kepada orang lain.<br>
- Mengelakkan sifat riak kerana amalan sedekahnya akan menjadi sia-sia.<br>
- Menjaga adab ketika bersedekah dengan tidak bercakap besar tentang amalan baiknya.
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Pada pendapat anda, ramalkan implikasi yang akan berlaku kepada Amran sekiranya sikap itu diteruskan dalam kehidupan.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>
- Amalan sedekah menjadi sia-sia.<br>
- Dibenci oleh masyarakat.<br>
- Menimbulkan perasaan riyak dalam diri.<br>
- Hidup tidak diberkati Allah SWT.
</td><td></td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Contoh jawapan:**<br><br>Implikasi yang akan berlaku ialah amalan sedekah Amran akan menjadi sia-sia jika dia terus bersikap riak. Hal ini kerana dia bersedekah bukan semata-mata kerana Allah SWT, tetapi untuk mendapat pujian daripada orang lain. Contohnya, dia menunjuk wang RM50 yang ingin disedekahkan kepada rakan-rakannya. Kesannya, pahala sedekahnya boleh terhapus dan amalannya tidak diterima oleh Allah SWT. Kesimpulannya, kita hendaklah bersedekah dengan ikhlas supaya amalan kita mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT. | |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**